

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI

SOALAN : 152

YB Tuan Budiman bin Mohd Zohdi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan kegiatan pencerobohan nelayan asing di perairan negara dan apakah perkembangan terkini cadangan penggunaan dron bagi melindungi keselamatan nelayan tempatan dan sumber perikanan negara daripada pencerobohan nelayan asing.

**Jawapan: YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDADA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Maritim Malaysia telah meningkatkan rondaan dan kehadiran di perairan negara dengan mengoperasikan 7 hingga 10 vesel setiap hari di setiap Wilayah sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Kawasan yang menjadi kemasukan pencerobohan bot nelayan asing telah dikenalpasti dan rondaan dan pemeriksaan berkala diteruskan.

Dalam pada itu, Maritim Malaysia juga mengoperasikan sebanyak 9 buah radar di Semenanjung Malaysia, 3 buah radar di Sabah dan 2 buah radar mudah alih mengikut keperluan operasi. Pengoperasian radar telah berjaya memintas bot-bot yang mencurigakan dan sekaligus ia menunjukkan penurunan statistik kemasukan pencerobohan bot nelayan asing. Maritim Malaysia juga akan menerima 2 buah kapal kelas *Offshore Petrol Vessel* (OPV) daripada kerajaan Jepun bagi mengoptimumkan operasi di Laut China Selatan.

Setakat ini Maritim Malaysia belum lagi menggunakan dron dalam membantu meningkatkan pengawasan dan pemantauan di perairan negara. Walau bagaimanapun, kesemua enam buah kapal ronda *New Generation Patrol Craft* (NGPC) yang bakal diterima secara berperingkat mulai bulan Mac 2017 ini akan dilengkapi dengan *Unmanned Aerial Vessel* (UAV). Setiap UAV ini berkeupayaan terbang tanpa henti untuk tempoh melebihi 8 jam. Perolehan UAV ini adalah salah satu usaha Maritim Malaysia untuk mempertingkatkan rondaan dan pengawalan di perairan negara.

Sekian, terima kasih.